

MRT Corp umum 31 senarai syarikat lulus

SEBANYAK 31 syarikat melepasi proses pra-kelayakan untuk lima pakej bagi membina sistem operasi untuk jajaran Sungai Buloh-Kajang projek Mass Rapid Transit (MRT) yang sedang dibangunkan di Lembah Klang.

Syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa tersebut dipilih daripada 76 firma yang menyatakan untuk mengambil bahagian.



Tender-tender pakej itu mempunyai nilai keseluruhan RM791 juta dan ditutup antara Julai dan Ogos depan.

MRT Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) berkata, syarikat telah memaklumkan kepada syarikat yang berjaya melepasi pra-kelayakan melalui surat rasmi.

Kesemua tender akan tutup pada 23 Julai 2012, kecuali bagi sistem telekomunikasi dan AFC, yang akan tutup pada 6

Ogos 2012.

"Sebanyak 76 syarikat menyertai proses pra-kelayakan ini, yang diadakan antara 9 Januari hingga 12 Mac 2012.

"Setelah melalui proses pra-kelayakan yang adil, telus dan ketat, MRT Corp memutuskan hanya 31 syarikat yang layak. Kami yakin mereka mampu menambah nilai kepada projek ini," kata Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid.